

30 MAR 2002

PENGERUSI MAJILIS PARLIMEN KAZAKHSTAN KUNJUNGI PM

PUTRAJAYA, 30 Mac (Bernama) -- Pengerusi Majilis Parlimen Kazakhstan Zharmakhan Tuyakbay melakukan kunjungan hormat terhadap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pejabat Perdana Menteri di sini, hari ini.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas kunjungan itu, Zharmakhan berkata tujuan lawatan beliau ke Malaysia ialah untuk mempelajari lebih banyak mengenai aktiviti Parlimen di sini dan juga pengalaman Malaysia dalam pembangunan ekonomi.

"Kazakhstan ialah sebuah negara yang baru merdeka. Sebab itulah kami berminat dengan bidang-bidang ini," kata beliau melalui seorang jurubahasa.

Beliau berkata mereka juga membincangkan kemungkinan mempertingkatkan hubungan dua hala.

Zharmakhan dan delegasi tiba di Kuala Lumpur pada Selasa lepas dan mereka dijadualkan berlepas ke Seoul pada 1 April.

Aturcara lawatan semasa berada di sini termasuk lawatan ke Parlimen, Cyberjaya, Menara Berkembar Petronas, Muzium Seni Islam dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia.

-- BERNAMA

MAM ZS PR